

UniMAP Menerima Kunjungan Balas daripada Uzbekistan



Pada 13 Disember 2010 yang lalu UniMAP telah menerima kunjungan balas daripada Tashkent State Technical University (TSTU), Uzbekistan. Lawatan ini adalah rentetan daripada MoU yang telah ditandatangani di antara UniMAP dan TSTU pada tahun lepas.. Tujuan lawatan ini adalah untuk mengeratkan hubungan antara TSTU dan UniMAP dan juga meninjau peluang-peluang di dalam program pasca siswazah untuk mahasiswa-mahasiswi daripada TSTU melanjutkan pengajian mereka di UniMAP.

Sehingga hari ini, UniMAP telah menerima seramai tujuh orang pelajar daripada Uzbekistan yang sedang mengikuti program Persediaan Bahasa Inggeris sebelum melanjutkan pengajian mereka ke peringkat Sarjana Muda.

Delegasi yang diketuai oleh Rektor TSTU, Prof Shahrakhmof Shaabidov, telah dibawa melawat ke sekitar kampus UniMAP. Pada hari pertama mereka di bumi Perlis, delegasi telah dibawa melawat Kampus Tetap Ulu Pauh, makmal- makmal di Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik dan Pembuatan yang terdapat di kampus tetap.

"Ini merupakan lawatan pertama saya ke Malaysia dan di UniMAP, dan saya berhasrat untuk kembali lagi ke Malaysia kerana budaya dan sikap warga UniMAP yang sangat baik dan mengambil berat," ujar Rektor TSTU.

Delegasi juga telah diraikan di dalam majlis makan malam bersama Y. Bhg Dato' Naib Canselor, Timbalan- timbalan Naib Canselor dan dekan- dekan bertempat di Hotel Putra Palace.